

# Antara kuasa dan keadilan

SINAV HAWAN - 23/5/2016

**M**edia sosial dan akhbar ultra kiasu tidak

habis-habis mengapi-

apikan isu etnik Cina yang

tidak dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri (TKM) Sarawak selepas PRN berakhir.

Mereka kata KM tidak mengotakan janji.

Sedangkan KM tidak pernah berjanji. Justeru, berhati-hatilah ketika berkempen, jangan menajjikan bulan dan bintang. Bahaya.

Menambahkan satu lagi jawatan TKM, dengan menggubal Perlembagaan, bukan penyelesaian masalah, malah akan menjadi lebih rumit selepas ini, kerana ia akan menjadi precedence. Akan berlaku tuntutan menuntut, walaupun masa yang berjalan mungkin tidak melayakkan sesuatu etnik untuk duduk di kerusi tersebut selama-lamanya.

Sebab itu saya amat memuji etnik Sarawak yang lain, kerana tidak menuntut kerusi TKM. Inilah sifat mulia kerencaman etnik di sana.

Dari segi hak, mereka lebih berhak

berbanding etnik lain yang berhijrah.

Bayangkan jika semua etnik minoriti

menuntut jawatan TKM. Berpuluh jawatan

TKM perlu disediakan.

Begitu juga daripada aspek bahasa,

mereka menerima BM sebagai bahasa utama

negara, tidak pernah meminta bahasa dialek

mereka dimartabatkan. Jika tidak, lagi

cacamerba lagi negara kita. Ultra kiasu tidak

sebegitu sifatnya. Mahukan bahasa mereka

setaraf dengan bahasa negara.



buka  
minda  
RIDHUAN TEE  
ABDULLAH

Sama juga jika ada jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) kedua Malaysia yang mungkin diwujudkan selepas ini.

Paling layak adalah bumiputera Sabah

Sarawak, bukan etnik lain. Etnik berhijrah

sudah terbelah nasibnya. Sabah Sarawak

memertukan lebih perhatian berbanding

Semenanjung kerana mereka masih

ketinggalan, terutama kawasan luar bandar.

Berikanlah keadilan kepada mereka.

Cukuplah kita menjadi bahan ketawa

dunia. Negara antara paling kecil saiznya di

dunia, tetapi mempunyai jawatan Kabinet

yang begitu banyak.

Apa yang penting bukan jawatan tetapi

adalah keadilan. Itulah paksi pemerintahan

pembentukan tamadun. Saya harap bangsa

saya sedar akan hakikat ini. Cukuplah dengan

peluang berekonomi yang telah diberikan

sehingga menjadi kaya-raya, tanpa diambil

sedikit pun haknya, berbanding dengan

negara ang mengamalkan sistem komunis.

Ketahuilah bahawa kita sudah dapat

selayaknya apa yang sepatutnya dapat. Malah

sudah dapat lebih pun. Jangan terlalu kemaruk

kuasa atau tamak. Seperti kata Almarhum

Tunku Abdul Rahman, biarlah orang Melayu

menjaga kuasa, orang Cina menjaga bisnis.

Ada kuasa, jika disalahgunakan, tidak

membawa apa-apa erti.

Bukti-bukti menunjukkan salah guna

kuasa, rasuah dan sebagainya, boleh

menjadikan sesebuah negara itu lumpuh.

Keadilan inilah yang menjadi politik Sarawak

gawat sebelum ini. Hari ini KM cuba

memulihkannya dengan penuh integriti.

Sokonglah dia, bukan menuntut jawatan ini

dan itu. Jika salah, betulkan! kerana beliau

hanya manusia.

Beri peluang kepada KM untuk

membantu Bumiputera yang masih

ketinggalan untuk keluar daripada belenggu

kemiskinan. Yakinlah jika kemiskinan dapat

dihapuskan pasti Sarawak akan menjadi aman

makmur dan kadar jenayah dapat

dikurangkan. Orang Cina boleh berniaga

dengan senang hati.

Saya fikir KM telah melakukan sesuatu

yang adil dengan tidak melantik TKM

Sarawak kalangan etnik Cina. Sudah tentu

perimbangan masak telah diberikan.

Cukuplah dengan jawatan menteri yang telah

diberikan sebagai wakil orang Cina Sarawak.

Jangan jadi ultra kiasu seperti parti politik di

Semenanjung.

Ingatlah, kuasa sudah terbukti tidak

mampu menjaga manusia, tetapi keadilan

boleh. Keadilan itu bukan sama rata dan sama

rasa, tetapi meletakkan sesuatu pada tempat

atau memberikan hak kepada yang berhak.

Dalam konteks negeri Sarawak, siapakah

yang lebih berhak dan memerlukan? Sudah

tentu Bumiputera di sana. Saya mendoakan

agar KM dapat melakukan yang terbaik,

diikuti dengan anak-anak buah yang

dilantiknya.

Adalah diharapkan anak-anak buah yang dilantik itu tidak seperti yang disebut oleh pepatah Cina ini, it is relatively easier to see the Lord of Hell than to handle the little devil that guards Hell. Lebih mudah berjumpa dengan Tuan neraka daripada berhadapan dengan penjaga-penjaga neraka, yang banyak menimbulkan masalah.

Kadangkala nak jumpa orang besar ini sedikit punya seksa. Macam-macam alasan diberikan oleh penjaga-penjaga ini, sehingga hampir setahun temu janji tidak kesampaian.

Benatlah kata orang, sebenarnya menteri atau pembesar itu tidak sombong, yang sombongnya orang keliling-kelalangnya, termasuk PA menteri pun sombong bukan main. Inilah mencalarakan imej menteri dan Kabinet. Cucuk sana cucuk sini, laga sana laga sini. Justeru, berhati-hatilah memilih orang sekecilnya wahai pembesar dan pak menteri.

Budaya ini begitu berleluasa dalam politik. Setiap daripada mereka memasang cita-cita untuk berkuasa dan lebih berkuasa. Maka penjaga-penjaga inilah yang akan bertindak memastikan agendanya berjaya. Jika untuk kebaikan, saya setuju belaka. Tetapi kadangkala, membawa kepada keadaan yang lebih buruk. Perpecahan semakin ketara, kelemahan dicipta. Musuh mengambil kesempatan setiap masa.

\* Mohd Ridhuan Tee Abdulllah, Felo Utama, INSPIRE dan Pensyarah PPI, UniSA